

256 projek di Sarawak berjaya disiapkan

Kota Samarahan: Sebanyak 256 projek bernilai RM229.77 juta yang diumumkan Datuk Seri Najib Razak dalam tinjauan mesra beliau ke Sarawak, berjaya disiapkan.

Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Seri Douglas Uggah Embas yang juga menteri bertanggungjawab memantau pelaksanaan projek yang diumumkan ketika tinjauan mesra Perdana Menteri, berkata jumlah projek itu mewakili 74.85 peratus daripada jumlah keseluruhan projek yang diumumkan Najib sejak Februari 2010 untuk Sarawak.

“Perdana Menteri mengumumkan 342 projek bernilai RM2.31 bilion untuk Sarawak dalam beberapa tinjauan mesra ini,” katanya pada sidang media selepas mempengerusikan mesyuarat jawatankuasa pemantauan projek berkenaan di sini, semalam.

58 projek sedang dilaksanakan



Beliau berkata, 58 projek lagi bernilai RM1.85 bilion masih peringkat pelaksanaan sementara 28 projek pula yang bernilai RM236.2 juta belum dimulakan.

“Isu pengambilan tanah dan reka bentuk projek yang belum selesai adalah antara sebab beberapa projek ini belum dapat dimulakan tetapi saya yakin ia dapat disiapkan dalam tempoh tiga tahun ini,” katanya.

Beliau berkata, kelewatan itu berlaku berikutan masalah rekaan pada struktur serta pemilikan tapak yang masih belum dapat diselesaikan antara kerajaan dan pemiliknya, majoriti membabitkan bekalan elektrik dan air, pembinaan jalan, jambatan, sekolah dan klinik.

58 projek bernilai RM1.85 bilion masih peringkat pelaksanaan sementara 28 projek bernilai RM236.2 juta belum mula”

Douglas Uggah Embas,
Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar

“Ada juga kes seperti projek pembinaan Balai Raya Engkilili yang tergendala berikutan masalah kontraktor, namun ia masih berjalan mengikut jadual ditetapkan.

Rundingan hak tanah

“Bagi baki projek lain, kita masih meneruskan rundingan mendapatkan hak ke atas tanah serta melakukan rekaan semula,” katanya.

Uggah berkata, peruntukan tidak menjadi masalah kerana projek berkenaan membabitkan pemimpin utama negara, malah sebahagian daripada projek ini memang ada di dalam Rancangan Malaysia Ke-10.